

# KUTKM digesa beri penekanan aspek kualiti bidang ditawarkan

Archival News | Utusan Malaysia | 08/10/2003

MELAKA 7 Okt. \_ Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) digesa memulakan langkah memberi penekanan terhadap aspek kualiti dalam kesemua bidang bagi menjadikannya sebuah universiti yang memiliki reputasi tinggi walaupun usianya baru tiga tahun.

Pengerusi KUTKM, Tan Sri Mohd. Saleh Sulong berkata, aspek tersebut perlu diberikan perhatian lebih-lebih lagi ketika kerajaan berhasrat untuk mengurangkan peruntukan perbelanjaan kesemua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pada masa depan.

Katanya, walaupun masih muda dan belum mempunyai kampus yang tetap, ia tidak seharusnya menjadi penghalang kepada KUTKM untuk mencapai tahap kualiti yang tinggi.

"Kita bertugas di sini sebagai kakitangan bukan semata-mata untuk menjalankan kerja-kerja pentadbiran, sebaliknya kita perlu mengambil inisiatif untuk mencetuskan peningkatan mutu dan kualiti kerja," katanya pada majlis sambutan Hari Q KUTKM 2003 dan Pelancaran Sistem ISO 9000 di Seri Negeri, Ayer Keroh dekat sini hari ini.

Beliau berkata, peningkatan kualiti juga penting kerana ia memberi imej yang positif terhadap KUTKM di mata masyarakat dan akhirnya yang mendapat manfaat ialah graduan dan kolej universiti itu sendiri.

Menurutnya, KUTKM juga akan menghadapi cabaran besar kerana kini sudah terdapat petanda bahawa kerajaan mahu IPTA mengambil daya usaha untuk mencari sumber-sumber kewangannya sendiri.

"Oleh itu kita perlu berfikir dari sekarang untuk mengenal pasti sumber kewangan tersebut. Namun begitu, usaha berkenaan tidak akan dapat direalisasikan secara efektif tanpa wujudnya budaya kualiti dalam institusi kita," ujarinya.

Sehubungan itu beliau menyambut baik langkah pengurusan KUTKM melancarkan buku panduan sistem ISO 9000 dengan menetapkan tahun 2005 untuk mencapai piawaian MS ISO 9001:2000.

Sementara itu, Rektor KUTKM, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin Ab. Ghani berkata, kolej universiti tersebut telah menubuhkan Bahagian Penjaminan Kualiti dan Akreditasi bagi memastikan perancangan dibuat ke arah mencapai ISO 9000 yang melibatkan aspek pentadbiran dan akademik.

Menurutnya dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Timbalan Rektor Akademik KUTKM, Profesor Ismail Hassan, buku ISO 9000 yang dilancarkan itu bertujuan untuk dijadikan panduan dan memandu KUTKM ke arah usaha mendapatkan pensijilan ISO berkenaan.

"Tidak dinafikan bahawa pensijilan standard antarabangsa seperti ISO akan meningkatkan tahap profesionalisme dan imej organisasi sebagai pembekal perkhidmatan," katanya.

(Source : Utusan Malaysia)

